

---

---

## **Stratigrafi batuan Kumpulan Tembeling di Lembah Tekai, Pahang**

**KAMAL ROSLAN MOHAMED, UYOP SAID, IBRAHIM ABDULLAH, AHMAD JANTAN, ABDUL RAHIM SAMSUDDIN & CHE AZIZ ALI**

**Jabatan Geologi  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi**

Satu kajian geologi telah dilakukan di Lembah Tekai, Pahang untuk menentukan stratigrafi, sedimentologi dan struktur batuan yang terdapat di sini. Keseluruhan batu Jura-Kapur yang di kaji di sepanjang Sungai Tekai ini adalah termasuk dalam Kumpulan Tembeling.

Khoo (1977) membahagikan Kumpulan Tembeling kepada empat formasi iaitu dari muda ke tua sebagai; Lapisan Merah Termus, Batu Pasir Mangkin, Konglomerat Lanis dan Formasi Kerum. Harbury *et al.* (1990) telah mengeluarkan Formasi Kerum dari Kumpulan Tembeling dan tinggal tiga formasi sahaja dalam Kumpulan Tembeling, iaitu dikenali oleh beliau sebagai Syal Termus, Batu Pasir Mangkin dan Konglomerat Lanis. Ketiga-tiga formasi ini adalah terletak selaras di antara satu sama lain, dan beliau masih lagi mengekalkan Formasi Kerum selaras di bawah Kumpulan Tembeling.

Dalam kajian yang dilakukan di sepanjang Sungai Tekai dan juga di beberapa batang jalan balak yang terdapat di kawasan ini, kesimpulan yang dapat dibuat ialah Formasi Kerum yang terdiri daripada batuan volkaniklastik merupakan sebahagian daripada Formasi Semantan dan Kumpulan Tembeling terdiri daripada tiga formasi, iaitu Konglomerat Lanis, Batu Pasir Mangking dan Syal Termus (susunan dari tua ke muda). Dari tafsiran hubungan antara fasies dan geologi struktur, didapati ketiga-tiga formasi ini adalah saling menjejari antara satu sama lain dan bukannya selaras secara mutlak. Ini bermakna, pemendapan ketiga-tiga formasi ini berlaku serentak pada masa Jura-Kapur di sekitaran pengendapan yang bersebelahan. Kumpulan Tembeling terletak secara selaras di atas Formasi Semantan.